

Cekal hadapi cabaran

Oleh Nor Faizah Mohamed
faizah@hmetro.com.my

SOPAN gayanya, lembut tuturannya. Dengan berlatar belakang bidang syariah dan perbankan, nyata laju saja setiap bait bicarannya petang itu malah Dr Amir Shahrudin tidak kisah apabila diajukan soalan peribadi.

Bagi penuntut Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), khususnya di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Dr Amir bukanlah nama asing malah kini menjadi kebanggaan fakulti kerana namanya disenaraikan sebagai felo pelawat pertama bagi program Sarjana Tamu Suruhanjaya Sekuriti (SC) - Pusat Pengajian Islam Oxford (OCIS).

Program Sarjana Tamu SC-OCIS itu adalah platform kepimpinan golongan pemikir bagi sarjana syariah, ahli akademik, pengawal selia dan pengamal kewangan Islam berbincang serta bertukar pandangan mengenai isu kontemporari dalam kewangan Islam.

Selaku felo pelawat, beliau menjalankan penyelidikan mengenai pembinaan model bagi menyepadukan peraturan syariah dalam kewangan Islam, menganalisis perbezaan dalam amalan antara bidang-bidang kuasa dan cuba membentuk asas yang mana isu kontemporari fikah dalam kewangan Islam boleh diselesaikan dengan perselisihan pendapat paling minimum.

Sejurus tempohnya sebagai felo pelawat tamat, beliau akan membentangkan hasil penyelidikannya di forum antarabangsa yang akan dikenal pasti secara bersama oleh SC dan OCIS.

Di atas kertas, semua ini bagaikan kisah pencapaian terkini seorang lagi anak Malaysia di peringkat dunia. Namun, apabila dikorek semula rentetan hidupnya, semua ini hadir atas usaha dan doa di samping sokongan keluarga.

"Keluarga tidak putus memberi dorongan, sementara isteri dan anak-anak menjadi penguat semangat saya untuk menyambung pelajaran di peringkat Doktor Falsafah (PhD) biarpun kehidupan kami agak perit ketika itu.

"Dengan anak-anak yang masih kecil, ditambah isteri juga menyambung pengajian dalam PhD pada masa sama, saya bersyukur kerana pengalaman itu membuatkan saya lebih cekal dan fokus apabila berdepan cabaran," katanya.

Dilahirkan pada 13 Ogos 1978 di Kuala Kangsar, Perak, anak sulung daripada empat beradik ini asalnya meletakkan sasaran

sebagai pensyarah.

Melanjutkan pelajaran peringkat sarjana muda di Universiti Al-Azhar, Mesir dalam jurusan syariah Islamiah mengukuhkan niatnya hingga berjaya menjadi tutor di USIM.

Di USIM, beliau ditawarkan melanjutkan pengajian ke Universiti Islam Antarabangsa (UIA) jurusan sarjana perniagaan (MBA) bagi perbankan Islam memandangkan pihak USIM memerlukan pensyarah serba boleh dalam asas agama dan perbankan konvensional.

"Dekan ketika itu, Prof Datuk Dr Muhamad Muda yang melorongan laluan saya ke UIA dan saya gunakan sebaiknya peluang itu dengan harapan pelajar saya kelak ada pengetahuan dalam kedua-dua bidang," jelasnya.

Cabaran demi cabaran dihadapinya selepas itu terutama membabitkan perubahan besar daripada bidang syariah ke perbankan.

"Cabaran pertama ialah masalah bahasa. Selepas empat tahun di Mesir, saya lebih fasih berbahasa Arab hinggakan bahasa Inggeris saya agak 'berkarat'.

"Jadi ketika melanjutkan pengajian MBA, bahasa Inggeris menjadi medium perantara dan saya terpaksa ambil masa beberapa bulan untuk membiasakan diri dengan perubahan itu.

"Saya banyakkkan pergaulan dan dalam masa sama kerap menyertai perbincangan kumpulan. Saya rasa kaedah itu sedikit membantu saya mengharunginya.

"Cabaran kedua pula ialah pertukaran bidang daripada syariah ke perbankan. Ia benar-benar mencabar. Saya tiada asas langsung dalam perakaunan jadi boleh dikatakan saya bergelut untuk memahaminya ketika itu," katanya.

Selesai pengajian di UIA, Dr Amir kembali ke USIM dengan jawatan selaku Timbalan Dekan (Akademi dan Penyelidikan) di Fakulti Ekonomi dan Muamalat.

Selain itu, beliau juga dilantik sebagai ahli jawatankuasa syariah di RHE Islamic sejak lebih setahun lalu.

Dr Amir sekali lagi bergelar pelajar apabila meneruskan pengajiannya di peringkat PhD dalam Pengajian Islam di Universiti Exeter, United Kingdom pada 2010.

Kini dengan segala ilmu dan pengalaman yang diraihinya, penyelidikan program SC-OCIS yang bakal dijalaninya di Oxford mulai pertengahan bulan ini diharap membantu menggalakkan transaksi dan aktiviti rentas sempadan dalam mendorong perkembangan selanjutnya dan pertumbuhan kewangan Islam di Malaysia serta di peringkat antarabangsa.

